Institusi Kewangan Pembangunan

196 Tinjauan Keseluruhan
196-199 Dasar dan Perkembangan
199-210 Prestasi Institusi Kewangan Pembangunan

Institusi Kewangan Pembangunan

TINJAUAN KESELURUHAN

Teras utama dasar pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan pembangunan (IKP) pada tahun 2004 terus menjurus ke arah meningkatkan keupayaan dan kemampuan IKP. Seperti tahun-tahun yang lalu, meskipun penekanan terus diberikan kepada pengukuhan asas yang membolehkan IKP beroperasi dengan cekap dan berkesan, usaha pembangunan dasar telah mengambil perspektif yang lebih menyeluruh, dengan tumpuan pada penjajaran semula aktiviti dan struktur keinstitusian IKP. Ini bertujuan memastikan aktiviti IKP terus tertumpu pada menyediakan kemudahan bantuan kewangan dan bukan kewangan kepada sektor ekonomi strategik yang dikenal pasti. Seiring dengan usaha tersebut, penyeliaan dan pemantauan terhadap IKP terus dijalankan melalui pengawasan di luar premis dan pemeriksaan di premis secara berkala.

Meskipun penekanan terus diberikan kepada pengukuhan asas yang membolehkan IKP beroperasi dengan cekap dan berkesan, usaha pembangunan dasar telah mengambil perspektif yang lebih menyeluruh, dengan tumpuan pada penjajaran semula aktiviti dan struktur keinstitusian IKP.

Sejajar dengan pertumbuhan keseluruhan ekonomi, aktiviti pembiayaan IKP meningkat pada tahun 2004, dengan IKP terus menyediakan kemudahan bantuan pembiayaan kepada sektor ekonomi yang dikenal pasti penting dan strategik. Tabungan yang digembleng oleh IKP pengambil deposit juga mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2004. Kecekapan IKP menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti kepada sektor yang disasar dijangka bertambah baik memandangkan IKP sentiasa mengkaji semula operasi dalaman serta menanda aras dengan institusi-institusi lain dalam industri yang sama di pasaran. Ini perlu dipadankan dengan peningkatan dalam kemampuan kakitangan dan pengurusan bagi menyokong IKP untuk memenuhi piawaian pencapaian yang disasarkan.

DASAR DAN PERKEMBANGAN

Perkembangan utama dan kemajuan besar yang dicapai dalam merealisasikan strategi untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan serta menyokong pembangunan IKP adalah seperti yang berikut:

- **Penjajaran Semula Peranan dan Fungsi IKP**
  Sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan IKP ialah pentakrifan dengan lebih jelas tumpuan strategik dan peranan bagi setiap IKP. Bank Negara Malaysia telah membuat kajian semula ke atas peranan IKP yang telah dimandatkan dan aktiviti IKP di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP). Kajian tersebut, yang bertujuan untuk menilai tahap tumpuan strategik IKP dalam memainkan peranannya, telah mengenal pasti isu-isu berkaitan dengan struktur keinstitusian dan tumpuan aktiviti perniagaan yang mempengaruhi pencapaian dan keberkesanan IKP dalam membangun dan mempromosi sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti. Ekoran kajian tersebut, Bank Negara Malaysia mencadangkan kepada Kerajaan untuk menyusun semula struktur keinstitusian dan fungsi Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad (Bank Industri), *Malaysia Export Credit Insurance Berhad* (MECIB) dan *Export-Import Bank of Malaysia Berhad* (Bank EXIM). Penyusunan semula tersebut bertujuan untuk meningkatkan tumpuan perniagaan dan aktiviti-aktiviti IKP kepada sektor yang dimandatkan. Cadangan dasar secara umum telah dimaklumkan oleh Menteri Kewangan dalam Bajet tahun 2005.

- **Meningkatkan Keupayaan IKP Menyedia Khidmat Nasihat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana**
  Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Bank Negara Malaysia telah memulakan satu projek untuk meningkatkan keupayaan IKP dalam memberi khidmat nasihat kepada PKS di Malaysia pada bulan Oktober 2004. Khidmat nasihat tersebut dijangka melengkapkan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh IKP, dan seterusnya meningkatkan keberkesanan IKP dalam membangun dan membimbing PKS. Lima

buah IKP, iaitu Bank Pembangunan, Bank Industri, Bank EXIM, MECIB dan Bank Pertanian Malaysia (BPM) mengambil bahagian dalam projek tersebut, memandangkan IKP ini terlibat dalam pembiayaan kepada PKS.

Dengan mengambil kira fungsi khusus yang telah dimandatkan dan ciri-ciri unik setiap IKP terbabit, pelan tindakan khusus yang mengandungi strategi untuk meningkatkan keupayaan khidmat nasihat akan dirangka berdasarkan keperluan setiap IKP. Pelan ini antara lain akan mengenal pasti khidmat nasihat yang bersesuaian untuk memenuhi permintaan PKS daripada pelbagai sektor ekonomi, pembangunan sumber manusia dan keperluan latihan, serta penubuhan sesuatu struktur keinstitusian bagi IKP.

- **Pembangunan Sistem Pelaporan Statistik Berkomputer**
  Pada 1 Disember 2004, Bank Negara Malaysia melaksanakan sistem pelaporan berkomputer secara dalam talian bagi mengumpul dan menghasilkan data statistik IKP. Sistem tersebut dikenali sebagai Sistem Statistik Institusi Kewangan Pembangunan (DFISS). DFISS mengumpul maklumat generik dan khusus yang berkaitan dengan perniagaan IKP, mengambil kira keunikan setiap IKP. Sistem ini membolehkan Bank Negara Malaysia mendapat maklumat penting tepat pada masanya dan ini memudahkan Bank Negara Malaysia memantau prestasi IKP dan merumus dasar yang berkesan.

- **Pemantauan dan Penyeliaan IKP**
  Teras utama aktiviti penyeliaan Bank Negara Malaysia pada tahun 2004 ialah untuk terus mengukuhkan kapasiti keinstitusian dan infrastruktur operasi setiap IKP. Bersandarkan kepada rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko, aktiviti di luar premis dan di premis tertumpu ke arah memastikan IKP memainkan peranan yang dimandatkan secara berkesan di samping mempunyai kedudukan kewangan yang utuh. Tumpuan dan sumber penyeliaan menjurus ke arah mengenal pasti bidang-bidang yang berisiko tinggi dan memerlukan perhatian penyeliaan bagi memperbaiki serta membuat cadangan untuk menangani kelemahan dengan cepat dan berkesan. Setelah selesai dua tahun pertama penyeliaan ke atas IKP, Bank Negara Malaysia terus memastikan bahawa langkah-langkah pembetulan atau pemulihan diambil oleh institusi tersebut untuk menangani kelemahan yang telah dikenal pasti. Hasilnya, IKP telah menunjukkan banyak kemajuan dalam menerima pakai amalan terbaik dalam pengurusan dan pencapaian objektif organisasi, yang meliputi peranan sosioekonomi masing-masing. Secara keseluruhan, operasi IKP terus maju terutamanya di bidang tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan audit dalam.

Sepanjang tahun 2004, pemeriksaan di premis terus memberi penekanan kepada kecukupan, keberkesanan dan kecekapan infrastruktur operasi IKP, proses-proses dalaman serta keupayaan kakitangan dan pihak pengurusan dalam menyokong pencapaian peranan yang dimandatkan. IKP menumpukan perhatian dalam menyediakan infrastruktur yang sesuai dan sumber manusia yang berkemampuan bagi membolehkan IKP mengenal pasti pasaran khusus untuk memenuhi keperluan pelanggan yang bersesuaian dengan peranan yang dimandatkan. Ini termasuk menilai keperluan pasaran tersebut dan memastikan kecekapan operasi dalaman serta sistem penyampaian yang dapat membantu memenuhi keperluan pembiayaan dan khidmat nasihat perniagaan pasaran tersebut. Beberapa buah IKP juga telah membangunkan penunjuk prestasi utama masing-masing bagi tujuan mengukur dan memantau kecekapan operasi serta pencapaian mereka dalam memenuhi peranan yang dimandatkan. Penilaian berkala berdasarkan penunjuk prestasi utama akan dilakukan untuk mendisiplinkan IKP bagi menangani jurang dalam matlamat yang disasarkan.

Terdapat juga kemajuan dalam tadbir urus korporat di IKP. Memandangkan peranan Lembaga Pengarah penting dalam memantau keseluruhan kecekapan dan keberkesanan institusi, dialog sering diadakan antara penyelia dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan. Ini membolehkan Bank Negara Malaysia membuat penilaian dengan lebih baik ke atas kualiti infrastruktur operasi dari segi pengawasan oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan. Sesi ini dapat membantu memberikan kefahaman yang lebih baik kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah mengenai peranan yang perlu dimainkan, secara individu dan kolektif, dalam memberi panduan mengenai hala tuju strategik institusi. Sesi dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah ini juga memberi peluang kepada penyelia untuk berkongsi isu-isu penyeliaan mengenai institusi yang perlu diberi perhatian. Ini memudahkan langkah-langkah

pembetulan yang cepat dan berkesan diambil untuk menangani isu-isu yang menjejaskan kedudukan operasi dan kewangan institusi.

Terdapat juga peningkatan yang ketara dalam inisiatif pengurusan risiko IKP kerana institusi-institusi ini terus mengambil langkah melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan risiko. Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan IKP menyedari keperluan untuk memastikan infrastruktur pengurusan risiko seperti kakitangan, sistem dan proses-proses dalaman termasuk dasar-dasar yang berkaitan tersedia dan berkesan. Mekanisme pengurusan risiko sentiasa dinilai oleh Bank Negara Malaysia bagi memastikan keberkesanan dalam membantu Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan IKP melaksanakan fungsi pengawasannya ke atas operasi IKP. Peranan yang dimandatkan kepada IKP dalam sektor-sektor sasaran menyebabkan pegangan portfolio yang secara relatifnya berisiko tinggi. Oleh itu, IKP memerlukan sistem pengurusan risiko yang mencukupi dan mantap, sejajar dengan magnitud dan kerumitan risiko yang ditanggung. IKP juga dikehendaki mengukuhkan fungsi audit dalam meliputi audit pengurusan yang dapat membantu Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan kanan dalam mengurus risiko dan kecekapan organisasi secara keseluruhan, proses dalaman dan inisiatif. Kecekapan kakitangan audit perlu sentiasa dipertingkatkan melalui latihan yang sesuai serta pendedahan operasi. Operasi audit secara keseluruhan bertambah baik dengan penggunaan metodologi audit berasaskan risiko dalam menangani pelbagai risiko yang terdapat dalam operasi IKP, dengan sumber-sumber ditumpukan pada bidang-bidang yang berisiko tinggi.

Aktiviti pengawasan luar premis menyediakan pemantauan berterusan ke atas IKP bagi mengesan masalah potensi dengan lebih awal dan mengambil langkah-langkah terdahulu. Aktiviti ini, yang meliputi pemantauan terperinci ke atas trend dan data kewangan dalam bidang yang berisiko, juga membantu dalam memantau keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah pembetulan yang diambil oleh IKP. Peranan pengawasan luar premis dan pemeriksaan di premis yang saling melengkapi membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil pendekatan penyeliaan berasaskan risiko yang selaras dengan perubahan dalam profil risiko serta isu yang perlu diberi perhatian oleh IKP tersebut.

- **Pengubahsuaian Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002**
  AIKP mengandungi peruntukan yang membolehkan pengubahsuaian dibuat ke atas Akta ini bagi memenuhi ciri-ciri unik dan peranan khusus sesebuah IKP. Peruntukan yang fleksibel ini penting untuk memenuhi keperluan dan keadaan yang berbeza bagi IKP baru yang mungkin diletakkan di bawah AIKP pada masa hadapan. Sebarang pengubahsuaian akan dilaksanakan melalui perintah yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan dan disiarkan dalam Warta Kerajaan. Bagi tujuan ini, pengubahsuaian berikut dibuat ke atas AIKP agar tidak mengekang operasi dan aktiviti IKP dalam memenuhi keperluan pembiayaan sektor yang dimandatkan.

  Pengubahsuaian berhubung larangan pemberian kemudahan pinjaman kepada syarikat berkaitan
  Pada dasarnya, AIKP melarang IKP daripada memberi kemudahan pinjaman kepada pemegang saham, pengarah atau pegawai dan pihak berkaitan bagi menghindari timbulnya situasi percanggahan kepentingan. Peruntukan di dalam AIKP berhubung dengan larangan ini telah diubah suai bagi membolehkan dua buah IKP, iaitu Bank Pembangunan dan Bank Industri memberi kemudahan pinjaman kepada syarikat modal teroka atau anak-anak syarikat, yang penubuhan tersebut sejajar dengan peranan yang dimandatkan kepada IKP. Rasional di sebalik pengubahsuaian ini adalah bagi menghapuskan sekatan supaya IKP boleh menyediakan bantuan pembiayaan yang lebih meluas kepada sektor sasaran. Pengubahsuaian ini telah dikuat kuasa secara retrospektif pada 15 Februari 2002.

  Pengubahsuaian dalam keperluan menyiarkan akaun tahunan selepas mesyuarat agung tahunan
  AIKP mengehendaki IKP menyiarkan akaun tahunan mereka dalam masa empat belas hari selepas pembentangan akaun pada mesyuarat agung tahunan. Memandangkan sebilangan IKP merupakan badan berkanun dan tidak menjalankan mesyuarat agung tahunan seperti mana syarikat-syarikat, peruntukan AIKP yang merujuk kepada mesyuarat agung tahunan telah diubah suai dan diwartakan pada 1 Mei 2004. Pengubahsuaian tersebut memperjelas keperluan untuk menyiarkan akaun tahunan IKP yang merupakan badan berkanun.

- **Peletakan Bank Pertanian Malaysia di bawah AIKP**
  BPM diwartakan sebagai institusi yang ditetapkan di bawah AIKP berkuat kuasa mulai 11 Jun 2004, yang demikian meletakkan BPM di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia. Seperti institusi lain yang ditetapkan, peletakan BPM di bawah AIKP bertujuan memperkukuh operasi dan kewangan serta memastikan aktiviti dan operasi BPM selari dengan objektif yang dimandatkan. Sebagai institusi yang khusus untuk membiayai sektor pertanian, pembaikan yang berterusan dan pengukuhan kedudukan kewangan dan operasi BPM melalui keperluan pengawalseliaan adalah penting untuk memastikan BPM terus memainkan peranan yang dimandatkan dengan berkesan dan cekap. Ini adalah penting dalam menyokong strategi Kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian seperti yang digariskan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga.

PRESTASI INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan, aktiviti pembiayaan IKP turut meningkat pada tahun 2004. Pada tahun itu, IKP menyediakan bantuan pembiayaan kepada sektor-sektor ekonomi yang dikenal pasti penting dan strategik iaitu pertanian, industri berintensif modal dan berteknologi tinggi, perkapalan, infrastruktur, perkilangan, eksport, usahawan Bumiputera, koperasi dan juga pemilikan rumah kediaman serta pembangunan harta tanah di peringkat negeri iaitu di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, tabungan yang digembleng oleh IKP pengambil deposit mencatat pertumbuhan yang kukuh bagi tahun 2004.

Aktiviti Pembiayaan

Jumlah pinjaman terkumpul 14 buah IKP, yang dikenal pasti dalam Pelan Induk Sektor Kewangan sebagai satu kumpulan, mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 16.5% atau RM5.4 bilion (2003: 9.9% atau RM2.9 bilion) kepada RM37.7 bilion pada akhir tahun 2004. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kredit penggunaan yang diberi oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan pembiayaan infrastruktur yang disediakan Bank Pembangunan.

Kredit penggunaan meningkat sebanyak 18.6%, mencakupi 24.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Pembiayaan kepada sektor pembinaan, utiliti serta pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan sebagai satu kumpulan, yang merupakan 28.3% daripada jumlah pinjaman, juga mencatat peningkatan sebanyak 14.4%. Peningkatan ini ialah hasil daripada pembiayaan infrastruktur oleh Bank Pembangunan. Sektor pertanian dan perkilangan juga mencatat pertumbuhan positif, masing-masing sebanyak 13.5% dan 5.9%, dan bersama-sama menyumbang sebanyak 19.8% kepada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Sementara itu, jumlah perlindungan insurans dan jaminan yang disediakan oleh IKP yang berkaitan meningkat sebanyak 12.5% kepada RM4.3 bilion pada akhir tahun 2004, disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan dalam perlindungan jaminan yang disediakan oleh *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* (CGC).

Aktiviti pembiayaan tujuh buah IKP yang berada di bawah AIKP mencatat pertumbuhan jumlah pinjaman terkumpul sebanyak 19.1%. Pembiayaan runcit yang disediakan oleh Bank Rakyat kepada ahli-ahlinya meningkat dengan kukuh sebanyak 25.3%, sementara pembiayaan kepada sektor infrastruktur dan PKS Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan, masing-masing meningkat sebanyak 15.3% dan 10.5%. Pinjaman terkumpul Bank Simpanan Nasional (BSN) juga mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 30.4%, disebabkan pemberian pinjaman persendirian, sementara BPM mencatat pertumbuhan pinjaman sebanyak 14.8%. Bank EXIM juga mencatat pertumbuhan positif dalam aktiviti pemberian pinjaman sebanyak 15.7%. Sementara itu, Bank Industri dan MECIB mencatat pertumbuhan positif, masing-masing sebanyak 12% dan 36.6% dalam aktiviti pemberian pinjaman/pengunderaitan pada tahun 2004 berbanding dengan penurunan pada tahun sebelumnya. Tabungan yang digembleng oleh BSN daripada individu meningkat sebanyak 8.5% sementara jumlah yang digembleng oleh Bank Rakyat meningkat dengan kukuh sebanyak 30.6%, sebahagiannya disebabkan oleh pulangan menarik yang ditawarkan oleh Bank Rakyat.

Sejajar dengan pertumbuhan keseluruhan ekonomi, aktiviti pembiayaan IKP bagi menyokong pertumbuhan sektor ekonomi yang dikenal pasti penting dan strategik meningkat pada tahun 2004.

Jadual 7.1
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2004
	2003	2004	
	RM juta		
Sumber:			
Dana pemegang saham	1,519	1,386	10,810
Modal berbayar	*1,180*	*670*	*7,862*
Rizab	*83*	*364*	*1,964*
Keuntungan tertahan	*256*	*352*	*984*
Deposit diterima	2,605	7,475	49,878
Peminjaman	2,600	993	17,569
Kerajaan	*2,855*	*1,260*	*12,990*
Agensi pelbagai hala / antarabangsa	*-275*	*-1,426*	*1,732*
Lain-lain	*20*	*1,159*	*2,847*
Lain-lain	-80	1,366	12,053
Jumlah	**6,644**	**11,220**	**90,310**
Kegunaan:			
Penempatan deposit	3,799	2,662	18,906
Pelaburan	1,961	2,809	24,038
antaranya:			
Sekuriti kerajaan	*999*	*-322*	*2,629*
Saham	*351*	*56*	*6,834*
Disenaraikan	*-124*	*312*	*5,513*
Tidak disenaraikan	*475*	*-256*	*1,321*
Pinjaman dan pendahuluan	2,913	5,354	37,709
Aset tetap	100	156	3,864
Lain-lain	-2,129	239	5,793
Jumlah	**6,644**	**11,220**	**90,310**
Kontingensi:			
Jaminan	502	287	3,949
Insurans kredit eksport	-29	186	309
Jumlah	**473**	**473**	**4,258**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

Dari segi kualiti aset, paras pinjaman tidak berbayar (NPL) IKP sebagai satu kumpulan meningkat sebanyak RM499.7 juta kepada RM5.2 bilion pada akhir tahun 2004. Walau bagaimanapun, berikutan peningkatan ketara dalam jumlah pinjaman, nisbah NPL kasar bertambah baik dengan penurunan kepada 14.6% berbanding dengan 15.6% pada tahun lalu. Namun begitu, paras NPL kasar IKP kekal tinggi di sekitar 7.9% hingga 40.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Kebanyakan IKP mengklasifikasikan pinjaman atau pembiayaan yang tertunggak selama enam bulan atau lebih sebagai tidak berbayar. Setelah mengambil kira peruntukan yang dibuat bagi menampung kerugian potensi pinjaman, jumlah dan nisbah NPL bersih IKP

Jadual 7.2
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Haluan Pinjaman

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2004
	2003	2004	
	RM juta		
Pertanian, perhutanan dan perikanan	-90	387	3,261
Perlombongan dan kuari	-15	-8	67
Perkilangan	595	234	4,186
Bekalan elektrik, gas dan air	163	612	1,229
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	10	180	430
Sektor harta benda yang luas	537	1,645	10,022
Pembinaan	*219*	*126*	*4,136*
Pembelian harta kediaman	*143*	*1,138*	*4,066*
Pembelian harta bukan kediaman	*48*	*23*	*464*
Harta tanah	*127*	*358*	*1,356*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	351	602	5,315
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-86	-388	1,307
Kredit penggunaan	1,071	1,452	9,239
Lain-lain	377	638	2,653
Jumlah	**2,913**	**5,354**	**37,709**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

berada di paras RM1.8 bilion atau 5.5% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.5 bilion atau 5.6%).

Sumber Dana

Jumlah deposit yang digembleng oleh IKP pengambil deposit meningkat sebanyak 17.6% kepada RM49.9 bilion pada akhir tahun 2004. Tabungan yang digembleng daripada individu mencatat pertumbuhan sebanyak 10.2% kepada RM24.5 bilion, mencakupi 49.1% jumlah deposit yang digembleng. Lembaga Tabung Haji (LTH) dan BSN kekal dominan dalam penggemblengan tabungan daripada individu. Sementara itu, deposit daripada perusahaan perniagaan dan Kerajaan serta agensi Kerajaan, masing-masing mencakupi 28.4% dan 13% daripada jumlah deposit. Selain dana pemegang saham yang berjumlah RM10.8 bilion atau 12% daripada jumlah sumber, operasi IKP juga dibiayai menerusi peminjaman daripada Kerajaan berjumlah RM13 bilion pada akhir tahun 2004. Jumlah ini merupakan 14.4% daripada jumlah sumber dan digunakan terutamanya bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan.

Jadual 7.3
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun	
	2003	2004
	RM juta	
Peruntukan am	673	747
Faedah tergantung	1,226	1,363
Peruntukan khas	1,990	2,074
Pinjaman tidak berbayar	4,732	5,232
	Peratusan (%)	
Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar[2]	15.6	14.6
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih[3]	5.6	5.5
Jumlah peruntukan/ Pinjaman tidak berbayar	82.2	79.9

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad dan Sabah Credit Corporation.

[2] Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar = (Pinjaman tidak berbayar / Pinjaman kasar*) x 100%.
* Tidak termasuk pinjaman oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan pinjaman di bawah skim ECR.

[3] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Pinjaman kasar* selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.
* Tidak termasuk pinjaman oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan pinjaman di bawah skim ECR.

Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad


Pemberian pinjaman oleh Bank Pembangunan kepada sektor sasaran iaitu sektor PKS Bumiputera dan infrastruktur, mencatat pertumbuhan sebanyak 13.9% pada tahun 2004. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada RM11.6 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM10.2 bilion) didorong oleh kenaikan dalam pembiayaan projek infrastruktur sebanyak 15.3% kepada RM9.9 bilion pada akhir tahun tersebut. Projek yang dikenal pasti Kerajaan dan projek sektor swasta, masing-masing mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 13.7% dan 19.7%, dengan 72.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul bagi sektor infrastruktur adalah untuk membiayai projek infrastruktur yang dikenal pasti Kerajaan. Penerima utama pinjaman infrastruktur yang meningkat ini ialah sektor utiliti (RM611.8 juta), pengangkutan dan perhubungan (RM238.7 juta) dan pembinaan (RM125.2 juta).

Sementara itu, jumlah pinjaman terkumpul PKS meningkat sebanyak 6.1% kepada RM1.7 bilion. Pembiayaan kepada PKS Bumiputera, yang mencakupi 83.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul PKS, meningkat sebanyak 10.5% (2003: 4.6%) kepada RM1.4 bilion. Selain kemudahan pembiayaan, Bank Pembangunan turut menawarkan khidmat nasihat (termasuklah nasihat kewangan, korporat dan teknikal), latihan keusahawanan, khidmat jururunding projek dan pelbagai perkhidmatan lain sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi menggalakkan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya maju dan berdaya tahan. Pada tahun 2004, Bank Pembangunan melancarkan tujuh program yang baru, iaitu Program Usahawan Sangkut, Program Mentor Mentee, Program Vendor, Program Teknokrat Korporat, Program Usahawan Wanita, Program Usahawan Batik dan Program Usahawan Kraf.

Pada tahun 2004, jumlah kelulusan pinjaman meningkat dengan ketara sebanyak 54.3% kepada RM9 bilion (2003: RM5.8 bilion) yang sebahagian besarnya disebabkan peningkatan kelulusan pinjaman bagi membiayai projek infrastruktur. Sementara itu, jumlah pinjaman yang dikeluarkan meningkat kepada RM2.6 bilion pada tahun 2004 (2003: RM2.2 bilion), juga disebabkan oleh peningkatan pengeluaran pinjaman bagi membiayai projek infrastruktur.

Bank Pembangunan mengurus 23 dana Kerajaan pada tahun 2004. Kelulusan dan pengeluaran pinjaman di bawah dana-dana tersebut, masing-masing meningkat sebanyak 60.7% kepada RM801.3 juta dan 34.1% kepada RM442.6 juta. Tabung Infrastruktur Pelancongan dan Tabung Usahawan Baru 2 merupakan penerima utama dengan kelulusan pinjaman masing-masing berjumlah RM205 juta dan RM193.3 juta.


Graf 7.1
Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



NPL kasar meningkat sebanyak RM5.1 juta kepada RM917.7 juta pada akhir tahun 2004. Walau bagaimanapun, berikutan jumlah pinjaman yang lebih besar, nisbah NPL kasar menurun kepada 7.9% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 9%). Sementara itu, nisbah NPL bersih berada pada paras 2.8% (2003: 3.4%).

Portfolio pelaburan Bank Pembangunan mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 35.4% kepada RM1.3 bilion (7.9% daripada jumlah aset) pada akhir tahun 2004. Sebahagian besar peningkatan tersebut disumbangkan oleh kenaikan dalam pegangan sekuriti hutang swasta yang berjumlah RM1.1 bilion. Penempatan deposit dengan institusi kewangan pula berjumlah RM3.3 bilion dan mencakupi 19.5% daripada jumlah aset.

Graf 7.2
Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



Bank Pembangunan memperoleh sebahagian besar sumber pendanaan melalui peminjaman daripada Kerajaan (RM5.5 bilion), penerimaan deposit daripada agensi Kerajaan dan perusahaan awam (RM4.1 bilion), peminjaman daripada agensi pelbagai hala dan antarabangsa (RM1.2 bilion), terbitan sekuriti hutang (RM1 bilion) serta geran dan subsidi Kerajaan (RM700.5 juta). Ini mencakupi 73.3% (2003: 73.5%) daripada jumlah sumber bank tersebut. Pada tahun 2004, dana pemegang saham Bank Pembangunan meningkat sebanyak RM362.9 juta kepada RM2.9 bilion pada akhir tahun 2004, didorong oleh kenaikan dalam perolehan tertahan dan keuntungan operasi.

Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad

Aktiviti pinjaman Bank Industri mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2004 berbanding dengan penurunan pada tahun sebelumnya. Jumlah pinjaman meningkat sebanyak 12% kepada RM937.5 juta pada akhir tahun 2004. Pinjaman kepada sektor perkilangan meningkat sebanyak 12.3% atau RM44.6 juta, manakala pembiayaan bagi sektor maritim menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.3% atau RM1.3 juta. Sebahagian besar pinjaman diberi kepada dua sektor utama iaitu sektor maritim yang terdiri daripada industri perkapalan, limbungan dan industri berkaitan laut (50.6%) dan sektor perkilangan (43.5%), sementara bakinya diberi kepada sektor berkaitan alam sekitar (5.9%). Pada akhir tahun 2004, jumlah pinjaman mencakupi 23.1% daripada jumlah aset bank sebanyak RM4.1 bilion.

Jumlah pinjaman yang diluluskan pada tahun 2004 meningkat hampir tiga kali ganda (RM745.5 juta) berbanding dengan jumlah kelulusan pada tahun 2003 (RM253.4 juta). Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan yang ketara bagi kelulusan pinjaman kepada sektor maritim (395.5% atau RM301.8 juta) terutamanya yang melibatkan pembelian dan pembinaan kapal dagang. Peningkatan yang ketara turut dicatat dalam pengeluaran pinjaman kepada RM358.1 juta (2003: RM143.2 juta).

Bank Industri mengurus 13 dana Kerajaan pada tahun 2004, mencakupi 32% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank. Jumlah kelulusan dan pengeluaran pinjaman di bawah dana-dana tersebut meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 256.1% (RM86.3 juta) dan 68.6% (RM30.1 juta). Peningkatan bagi kelulusan pinjaman, sebahagian besarnya disumbangkan oleh Kemudahan Pembiayaan Perkapalan Baru (RM30.8 juta) dan Tabung Teknologi Tinggi (RM24.6 juta).

NPL kasar berkurang sebanyak RM70.2 juta kepada RM253.4 juta, merupakan 27% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM323.6 juta atau 38.7%). Penurunan ini sebahagiannya disebabkan oleh penukaran hutang pinjaman perkapalan yang tidak berbayar kepada ekuiti. Ini mengakibatkan penurunan ketara dalam nisbah NPL bersih kepada 8.1% (2003: 18.4%).


Sejumlah besar daripada aset bank (46.2% pada akhir tahun 2004) merupakan pelaburan dalam anak syarikat (RM1 bilion) serta pinjaman dan pendahuluan kepada anak syarikat (RM846.5 juta). Pelaburan dan pinjaman ini kebanyakannya diberikan kepada empat buah anak syarikatnya, iaitu MECIB, Bank EXIM, *Global Maritime Ventures Berhad* dan *BI Credit and Leasing Berhad*.

Aktiviti bank dibiayai terutamanya oleh peminjaman yang berjumlah RM2 bilion, atau hampir 50% daripada jumlah sumber pada akhir tahun 2004, sebahagian besarnya merupakan peminjaman daripada Kerajaan (RM1.1 bilion) dan daripada agensi pelbagai hala dan antarabangsa (RM924 juta). Penempatan deposit oleh Kerajaan dan agensi Kerajaan sebanyak RM741.7 juta juga merupakan sumber pendanaan utama bagi Bank Industri. Manakala jumlah peminjaman mencatat penurunan sebanyak 10.2%, penempatan deposit oleh Kerajaan dan agensi Kerajaan pula meningkat sebanyak 24%. Dana pemegang saham bank meningkat sebanyak 38.5% (RM101.5 juta) kepada RM365 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM263.5 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan operasi berjumlah RM81.5 juta dan suntikan ekuiti sebanyak RM20 juta oleh Kerajaan.

Export-Import Bank of Malaysia Berhad

Aktiviti pembiayaan Bank EXIM pada tahun 2004 meningkat 15.7% kepada RM2.3 bilion. Aktiviti utama Bank EXIM adalah untuk menyediakan pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR). Skim ECR yang dibiayai Kerajaan dan diurus oleh Bank EXIM menawarkan kadar faedah yang kompetitif kepada institusi perbankan yang mengambil bahagian dalam skim tersebut untuk dipinjamkan semula kepada para pengeksport. Pinjaman terkumpul skim ECR merupakan 52.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul, dengan kebanyakannya diberi kepada industri-industri keluaran minyak sawit, keluaran getah dan keluaran kimia. Pinjaman terkumpul skim ini meningkat sebanyak 5.4% kepada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2004. Pengeluaran pinjaman pula mencatat peningkatan sebanyak 2.4% pada tahun 2004 kepada RM6.8 bilion (2003: RM6.6 bilion), sejajar dengan pertumbuhan eksport Malaysia.

Graf 7.3
Export-Import Bank of Malaysia Berhad: Kemudahan Kredit pada 31 Disember 2004



Pembiayaan eksport (8.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2004) dan pembiayaan projek luar negara (39.2% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2004) merupakan aktiviti utama lain Bank EXIM yang masing-masing mencatat pertumbuhan positif sebanyak 123.7% dan 19.2% pada tahun 2004. Hampir separuh daripada jumlah pembiayaan projek luar negara disalurkan ke projek-projek di Asia Tenggara dan 30.7% lagi di benua Afrika. Lebih kurang 64.9% daripada jumlah pembiayaan projek luar negara dan 27% pembiayaan eksport disalurkan ke pasaran bukan tradisional.

NPL kasar Bank EXIM, tidak termasuk pinjaman di bawah skim ECR, menurun kepada RM306.6 juta pada akhir tahun 2004, iaitu mencakupi 28.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir tahun 2003: 39.2%). Pembiayaan projek luar negara merupakan komponen terbesar NPL (93.3%). Nisbah NPL bersih ialah 1.3%.


Portfolio pinjaman merupakan aset utama Bank EXIM dengan mencakupi sebanyak 62.9% daripada jumlah aset, manakala simpanan deposit pula mencakupi 35.5%.

Pada tahun 2004, dana pemegang saham meningkat 29.8% (RM74.9 juta) kepada RM326.6 juta pada akhir tahun 2004. Peminjaman daripada Kerajaan menurun sedikit, iaitu 0.6% kepada RM2 bilion, manakala peminjaman daripada agensi antarabangsa meningkat sebanyak 67.7% kepada RM500.1 juta dan peminjaman daripada syarikat induk, iaitu Bank Industri, menurun sebanyak 19.1% kepada RM302.4 juta. Peminjaman daripada Kerajaan digunakan sepenuhnya untuk skim ECR.

Malaysia Export Credit Insurance Berhad

MECIB, yang menyediakan kemudahan perlindungan insurans dan jaminan bagi memudahkan eksport Malaysia dan pelaburan luar negeri, mencatat pertumbuhan yang ketara dalam aktivitinya pada tahun 2004, seiring dengan pertumbuhan eksport Malaysia. Jumlah pendedahan meningkat sebanyak 36.6% kepada RM675.2 juta pada akhir tahun 2004 disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan sebanyak 150.2% dalam kemudahan insurans kredit eksport jangka pendek. Walau bagaimanapun, jaminan yang dikeluarkan menurun sedikit, iaitu sebanyak 1.2%. Lebih kurang 45.7% jumlah pendedahan MECIB merupakan perlindungan insurans kredit eksport dan

Graf 7.4
Malaysia Export Credit Insurance Berhad: Liabiliti Kontingensi pada 31 Disember 2004



selebihnya merupakan jaminan. Saiz dana pemegang saham yang kecil mengekang keupayaan MECIB untuk menyediakan perlindungan kepada perusahaan perniagaan besar, untuk jangka sederhana dan panjang.

Sebagai mencerminkan usaha MECIB menggalakkan kepelbagaian pasaran eksport Malaysia, 67.2% daripada jumlah jaminan dan perlindungan insurans yang disediakan adalah untuk membantu eksport ke negara-negara yang dikategorikan sebagai pasaran bukan tradisional. Dari segi agihan mengikut kawasan, 42.3% daripada jumlah pendedahan MECIB disalurkan ke negara-negara di Asia Timur, Afrika (11%), Eropah Barat (10.2%) dan Timur Tengah (9.8%).

Simpanan deposit di institusi kewangan, yang merupakan bahagian aset terbesar MECIB (47.1%), meningkat sebanyak 27.4% kepada RM98.1 juta pada tahun 2004. Sementara itu, pelaburan dalam sekuriti menurun sebanyak 19% kepada RM69.9 juta. Bagi menunaikan tanggungjawabnya, MECIB terus bergantung pada dana pemegang saham, yang menurun sedikit kepada RM75.2 juta pada akhir tahun 2004. Peratus kerugian, yang menunjukkan nisbah bayaran tuntutan berbanding dengan premium yang diterima, merosot kepada 38.8% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 29.3%).


Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Aktiviti pembiayaan dan penggemblengan deposit Bank Rakyat mencatat peningkatan yang kukuh pada tahun 2004. Jumlah aset Bank Rakyat meningkat dengan ketara sebanyak 29.9% kepada RM22.3 bilion pada tahun 2004 dengan aktiviti pembiayaan mencakupi 55.3% daripada jumlah aset. Jumlah pembiayaan terkumpul meningkat sebanyak 24.1% kepada RM12.4 bilion pada akhir tahun 2004, dengan sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor harta tanah (61.7% kepada RM3.1 bilion). Ini sejajar dengan pertumbuhan yang menggalakkan dalam sektor perumahan. Kredit penggunaan juga mencatat peningkatan sebanyak 12.2% kepada RM7.7 bilion berikutan pemulihan yang menggalakkan dalam perbelanjaan pengguna pada tahun tersebut. Dari segi agihan mengikut sektor, 62.2% daripada jumlah pembiayaan terkumpul adalah kredit penggunaan, 24.9% diberi kepada sektor harta tanah, diikuti sektor pengangkutan dan komunikasi (5.3%) dan sektor perdagangan am (3.6%). Pemberian pinjaman kepada ahli mencakupi 78.2% daripada jumlah pembiayaan terkumpul. Pada tahun 2004, pembiayaan baru yang diluluskan dan dikeluarkan, masing-masing berjumlah RM4,815.2 juta dan RM4,842.8 juta (2003: masing-masing RM3,727.8 juta dan RM3,666.4 juta).

Jumlah pembiayaan tidak berbayar (NPF) kasar meningkat sedikit kepada RM1,088.1 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1,066.1 juta). Walau bagaimanapun, nisbah NPF kasar bertambah baik kepada 8.8% daripada 10.7%, berikutan pengembangan dalam jumlah pinjaman. Nisbah NPF bersih juga bertambah baik dengan penurunan daripada 5.2% kepada 4.4%.

Aktiviti pembiayaan Bank Rakyat dibiayai sebahagian besarnya oleh deposit yang berjumlah RM17.1 bilion pada akhir tahun 2004. Ini mencakupi 76.7% daripada jumlah dana bank. Deposit yang digembleng mencatat peningkatan yang kukuh sebanyak 30.6% (RM4 bilion) pada tahun 2004, disebabkan terutamanya oleh kadar

Graf 7.5
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad: Haluan Pembiayaan pada 31 Disember 2004



pulangan menarik yang ditawarkan oleh Bank Rakyat. Simpanan deposit daripada perusahaan perniagaan meningkat dengan ketara sebanyak 31.9% kepada RM11.5 bilion, dengan perusahaan swasta mencakupi 63.4% dan selebihnya daripada perusahaan awam. Deposit yang digembleng daripada individu mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2004 dengan peningkatan sebanyak 34.1% kepada RM2.2 bilion pada akhir tahun.


Dana pemegang saham bank meningkat kepada RM3.5 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM2.5 bilion) berikutan pertumbuhan yang besar dalam saham ahli dan dana langganan ahli sebanyak 47.1% (RM623.6 juta) kepada RM1.9 bilion pada akhir tahun 2004. Pada tahun tersebut, keahlian individu Bank Rakyat meningkat seramai 84,836 kepada 714,743, sementara keahlian koperasi pula meningkat sebanyak 105 kepada 1,172. Jumlah keahlian yang bertambah ini disebabkan oleh keupayaan Bank Rakyat membayar kadar dividen yang lebih menarik serta menawarkan kadar pinjaman yang istimewa kepada ahli. Prestasi bank yang lebih baik (keuntungan sebelum cukai dan zakat meningkat daripada RM401 juta pada tahun 2003 kepada RM460 juta pada tahun 2004) juga menyumbang kepada peningkatan dana pemegang saham.

Bank Simpanan Nasional

Deposit yang digembleng oleh BSN serta pinjaman runcit kepada peminjam kecil dan kredit mikro yang diberikan oleh BSN mencatat peningkatan yang kukuh pada tahun 2004. Pada akhir tahun 2004, BSN beroperasi melalui 393 buah cawangan dan 599 mesin ATM yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Deposit terkumpul meningkat sebanyak 16.4% atau RM1.6 bilion kepada RM11 bilion pada akhir tahun 2004. Tabungan individu, yang merupakan komponen terbesar (71.7%) daripada jumlah deposit, mencatat pertumbuhan sebanyak 8.5% (RM619.7 juta) kepada RM7.9 bilion, sebahagiannya mencerminkan syarat yang dikenakan oleh BSN ke atas peminjam kredit mikro supaya membuka akaun di bank tersebut. Sementara itu, deposit yang diterima daripada perusahaan perniagaan meningkat sebanyak 65.6% (RM635.8 juta). Ini disumbangkan oleh peningkatan deposit tetap daripada perusahaan perniagaan yang dikuasai Kerajaan. Deposit simpanan mencakupi 47.6% daripada jumlah deposit, sementara deposit tetap mencakupi 42.4% dan selebihnya merupakan deposit pelaburan am. Jumlah pemegang akaun meningkat daripada 10.3 juta pada akhir tahun 2003

Graf 7.6
Bank Simpanan Nasional:
Jumlah Deposit Diterima pada 31 Disember 2004



kepada 11.4 juta pada akhir tahun 2004. Kira-kira separuh daripada deposit yang diterima, yang berjumlah RM5.6 bilion, dilaburkan dalam sekuriti pada akhir tahun 2004, dengan RM3.3 bilion merupakan pelaburan dalam bentuk sekuriti Kerajaan. Sejumlah besar baki deposit digunakan untuk pembiayaan operasi pemberian pinjaman.

Jumlah pinjaman terkumpul mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 30.4% pada tahun 2004, daripada RM2.4 bilion kepada RM3.2 bilion pada akhir tahun tersebut. Ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang ketara dalam pinjaman persendirian daripada RM126.5 juta kepada RM738.8 juta hasil daripada promosi besar-besaran skim pinjaman persendirian yang dipakej semula, yang telah menarik lebih ramai peminjam. Selain pinjaman persendirian, sejumlah besar daripada pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2004 ialah pinjaman perumahan (RM1,135.9 juta), kredit mikro (RM610.7 juta) dan pembelian kenderaan bermotor (RM446.8 juta). Pada tahun 2004, skim kredit mikro mencatat peningkatan sebanyak RM195.1 juta atau 46.9%. Sejak skim kredit mikro dilancarkan pada bulan Jun 2003, sebanyak RM723 juta dikeluarkan kepada 82,657 pemohon, sebahagian besarnya terlibat dalam perniagaan gerai makanan, aktiviti perdagangan runcit dan perkhidmatan perniagaan.

NPL kasar bertambah sebanyak RM151.2 juta kepada RM449.9 juta pada akhir tahun 2004, disebabkan peningkatan NPL kredit mikro dan pinjaman perumahan. Pada akhir tahun 2004, nisbah NPL kasar meningkat kepada 14.1% (akhir tahun 2003: 12.2%), manakala nisbah NPL bersih pula meningkat kepada 7.7% (akhir tahun 2003: 6.7%).


Bank Pertanian Malaysia

Aktiviti pembiayaan BPM mencatat pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2004. Selaras dengan peranannya untuk menyediakan pembiayaan bagi menggalakkan pembangunan sektor pertanian yang mantap di negara ini, BPM menyediakan pembiayaan untuk pelbagai aktiviti pertanian, iaitu pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil pertanian. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 14.8% kepada RM3.1 bilion pada akhir tahun 2004 (2003: RM2.7 bilion), disumbangkan terutamanya oleh peningkatan yang kukuh (318.8%) dalam pinjaman bagi industri pemprosesan asas tani dan perkhidmatan sokongan. Walaupun BPM terus menyediakan pembiayaan untuk membantu sektor pertanian yang lebih mantap seperti kelapa sawit, terdapat tumpuan yang lebih terhadap pembiayaan baru dalam industri pemprosesan asas tani dan perkhidmatan sokongan pada tahun 2004. Pada tahun tersebut, jumlah pinjaman terkumpul kepada industri kelapa sawit menurun kepada RM661.2 juta, mencakupi 21.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul (2003: RM696.2 juta atau 26% daripada jumlah pinjaman terkumpul).

Pekebun kecil kekal sebagai penerima utama pinjaman BPM dengan mencakupi 98.4% daripada jumlah peminjam. Pada tahun 2004, BPM meluluskan pinjaman berjumlah RM1.1 bilion kepada 46,843 peminjam. Kelulusan pinjaman, tidak termasuk di bawah skim kredit mikro, meningkat sebanyak 62.5% kepada RM1,091.5 juta pada tahun 2004 (2003: RM671.6 juta), sementara pengeluaran pinjaman meningkat sebanyak 65.7% kepada RM918.5 juta (2003: RM554.4 juta). Pada tahun 2004, BPM menguruskan 12 dana Kerajaan bagi tujuan menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian. Sejak pelancaran skim kredit mikro pada bulan Jun 2003, BPM meluluskan 17,729 permohonan bernilai RM202 juta pada akhir tahun 2004. Sejumlah RM199.3 juta dikeluarkan kepada peminjam yang sebahagian besarnya terlibat dalam projek asas tani, pemasaran, tanaman kontan dan ternakan. Pada tahun 2004, pinjaman terkumpul bagi skim kredit mikro merosot sebanyak 31% atau RM52.5 juta kerana peruntukan sebanyak RM200 juta digunakan sepenuhnya.

NPL kasar meningkat kepada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2004. Ini mencakupi 40.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir tahun 2003: RM887.6 juta atau 33.1%). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perubahan dalam dasar klasifikasi NPL daripada berasaskan 12 bulan kepada 6 bulan. Nisbah NPL bersih meningkat kepada 22.8% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 15.3%).

Graf 7.7
Bank Pertanian Malaysia:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



Pinjaman kekal sebagai komponen aset terbesar yang mencakupi 47.3% daripada jumlah aset sebanyak RM6.5 bilion, diikuti oleh pelaburan yang mencakupi 26.3% (RM1.7 bilion) daripada jumlah aset. Sebahagian besar daripada pelaburan adalah dalam bentuk sekuriti hutang swasta (38.3%), amanah saham (32.5%) dan nota janji hutang/surat perdagangan (18.3%).

Sumber utama dana BPM ialah deposit yang digembleng melalui rangkaian 181 buah cawangan dan 5,135 unit bergerak di seluruh negara. Pada tahun 2004, deposit yang dikumpul meningkat sebanyak 8.7% kepada RM4.1 bilion (2003: RM3.8 bilion), iaitu mencakupi 63.3% daripada jumlah sumber. Peminjaman daripada Kerajaan yang sebahagian besarnya digunakan bagi membiayai pelbagai skim pinjaman Kerajaan, meningkat sebanyak 4.5% kepada RM1.6 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.5 bilion).

Malaysian Industrial Development Finance Berhad

Aktiviti pembiayaan *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF), yang bertujuan menggalakkan pembangunan sektor perkilangan, mencatat sedikit peningkatan pada tahun 2004. Sebagai salah sebuah institusi pelaksana yang mengurus dan mengeluarkan dana Kerajaan, MIDF telah dilantik sebagai saluran pengagihan bagi skim pinjaman baru, iaitu Skim Pinjaman Mudah untuk Teknologi Komunikasi dan Maklumat pada tahun 2004. Tujuan utama skim ini adalah untuk meningkatkan daya saing dan kecekapan PKS melalui penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat. MIDF juga memperkenalkan Tabung Pelaburan Merentas Sempadan untuk Perkilangan pada bulan Jun 2004. Tabung ini bertujuan membantu

syarikat-syarikat Malaysia bertapak atau mengembangkan operasi mereka di luar pesisir, bagi mengambil manfaat daripada kos buruh yang rendah, terutamanya di negara-negara di rantau ASEAN.

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.9% atau RM9.8 juta kepada RM1.1 bilion pada akhir tahun 2004, berikutan terdapat pakej-pakej pembiayaan yang lebih kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Pinjaman terkumpul kepada sektor perkilangan menurun daripada RM932.7 juta kepada RM918.7 juta pada akhir tahun 2004, mencakupi 80.6% daripada jumlah pinjaman (akhir tahun 2003: 82.5%). Penerima utama pinjaman dalam sektor perkilangan terdiri daripada industri keluaran logam yang direka dan jentera (18.7%), industri keluaran kayu (16.6%) dan industri keluaran berasaskan besi dan keluli dan keluaran bukan ferus (11%). Sementara itu, pinjaman terkumpul kepada PKS dalam bidang perkilangan mencakupi 48.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul.

Pada tahun 2004, jumlah kelulusan pinjaman berkurang sebanyak 5.6% kepada RM466.1 juta (2003: RM493.7 juta). Penurunan yang ketara dalam sektor perkilangan dicatat oleh industri-industri kelengkapan pengangkutan (82.9% atau RM41.4 juta), keluaran besi asas dan keluli, keluaran bukan ferus (49.9% atau RM18.9 juta) dan makanan, minuman dan tembakau (26% atau RM17.7 juta). Ini mengakibatkan pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perkilangan merosot sebanyak 10.3% kepada RM241.9 juta (2003: RM269.7 juta).


Berdasarkan NPL 3 bulan, jumlah NPL kasar meningkat kepada RM362 juta, mencakupi 31.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir tahun 2003: RM337.9 juta atau 29.9%). Nisbah NPL bersih meningkat kepada 10.4% daripada 3.3% pada tahun 2003.

Dana pemegang saham dan peminjaman kekal sebagai sumber dana utama bagi MIDF. Dana pemegang saham yang meningkat kepada RM1.4 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.3 bilion) disumbangkan terutamanya oleh pendapatan dividen daripada anak syarikat dan keuntungan hasil penjualan anak syarikat berikutan aktiviti penstrukturan semula Kumpulan. Sementara itu, peminjaman yang berjumlah RM1.1 bilion mencatat penurunan daripada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2003. Peminjaman ini termasuk RM689.9 juta yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung daripada Kerajaan untuk dipinjamkan bagi tujuan sosioekonomi. MIDF juga bergantung pada dana daripada pasaran modal untuk membiayai aktiviti pemberian pinjaman. Pada akhir tahun 2004, dana yang diperoleh daripada pasaran modal berjumlah RM400.3 juta (akhir tahun 2003: RM528.8 juta).


Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

CGC terus menyumbang secara positif ke arah memastikan PKS mendapat akses pembiayaan yang berterusan melalui pemberian pelbagai skim jaminan dan khidmat tambahan untuk mempermudah pembiayaan oleh institusi perbankan kepada PKS. Bagi melengkapkan bantuan kewangan melalui jaminan yang diberikan, CGC melancarkan Pusat Khidmat Pelanggan pada bulan Ogos 2004, khusus untuk mengendalikan pertanyaan berkaitan maklumat mengenai skim jaminan yang ditawarkan dan prosedur permohonan bagi peminjam yang berpotensi, termasuk pertanyaan daripada institusi kewangan mengenai status permohonan dan tuntutan.

Graf 7.8
Malaysian Industrial Development Finance Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



Graf 7.9
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad: Jaminan mengikut Sektor pada 31 Disember 2004



Jumlah jaminan terkumpul meningkat sebanyak 9.9% (2003: 18.3%) kepada RM3.3 bilion pada akhir tahun 2004, dengan skim-skim jaminan utama seperti Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT), Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) dan Skim Jaminan Perbankan Islam (SJPI) yang dikaji semula, terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh. Kesemua skim ini mencatat pertumbuhan sebanyak 144.1% (2003: 158.3%). Pertumbuhan yang kukuh ini sebahagiannya disebabkan oleh SJUB dan SJPI yang dikaji semula, yang membolehkan PKS daripada semua sektor ekonomi mendapat pembiayaan maksimum yang lebih tinggi sebanyak RM10 juta daripada institusi kewangan (jumlah maksimum sebelumnya: antara RM5 juta hingga RM7.5 juta untuk PKS di semua sektor, kecuali sektor perkilangan). Kecenderungan perusahaan PKS menggunakan pembiayaan secara Islam turut menyumbang kepada prestasi SJPI yang menggalakkan.

Mencerminkan sokongan berterusan yang diberi kepada PKS yang bersaiz lebih kecil, pinjaman bersaiz kurang daripada RM250,000 terus merupakan komponen terbesar yang mendapat manfaat daripada skim jaminan CGC, mencakupi 81.7% (2003: 88.2%) daripada bilangan pinjaman yang dijamin. Dari segi nilai jaminan, pinjaman bersaiz antara RM500,000 dan RM1 juta mencakupi 32% daripada jumlah jaminan, diikuti oleh pinjaman bersaiz antara RM250,000 dan RM500,000 (27%) dan pinjaman yang kurang daripada RM250,000 (24.3%). Jaminan untuk pinjaman yang melebihi RM1 juta masih lagi mencakupi bahagian terendah pada 16.7% daripada jumlah jaminan. Dari segi jaminan mengikut sektor, PKS sektor perniagaan am kekal sebagai sektor yang paling banyak mendapat manfaat daripada jaminan CGC. Jaminan yang disalur kepada sektor ini mencakupi tiga suku daripada jumlah jaminan, diikuti oleh sektor perkilangan (24%) dan pertanian (1.3%).

Jumlah peruntukan tuntutan meningkat sebanyak 8.3% kepada RM469.6 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM433.6 juta), mencerminkan peningkatan pinjaman dijamin tidak berbayar. Jumlah tuntutan yang dibayar kepada institusi perbankan juga meningkat sebanyak 33.6% pada tahun 2004, kepada RM123.7 juta pada tahun 2004 (2003: RM92.5 juta).


Jumlah pinjaman terkumpul di bawah pelbagai skim pinjaman khas yang diurus oleh CGC menurun sebanyak 35.2% kepada RM593.2 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM915.8 juta). Ini disebabkan oleh penurunan pinjaman terkumpul daripada tabung-tabung Bank Negara Malaysia, berikutan perubahan dalam cara pengaturan pendanaan bagi tabung-tabung tersebut sejak bulan November 2002. Bank Negara Malaysia kini menyalur dana skim-skim pinjaman khas terus kepada institusi perbankan untuk dipinjamkan kepada PKS.

CGC terus bergantung pada dana pemegang saham (RM2.1 bilion) dan peminjaman daripada Kerajaan (RM1.8 bilion), dengan kedua-dua sumber ini mencakupi 85.9% daripada jumlah dana, bagi menyokong jaminan yang dikeluarkan dan membiayai operasi pinjaman. Kebanyakan daripada dana ini ditempatkan di institusi perbankan (RM3.8 bilion).

Lembaga Tabung Haji

LTH mencatat peningkatan dalam aktiviti penggemblengan deposit pada tahun 2004. Jumlah deposit terkumpul meningkat sebanyak 7.1% atau

Graf 7.10
Lembaga Tabung Haji: Pelaburan pada 31 Disember 2004



RM798.8 juta kepada RM12.1 bilion, sementara bilangan pendeposit bertambah kepada 4.9 juta pada akhir tahun 2004 daripada 4.7 juta pada akhir tahun 2003. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pendeposit, LTH telah menambah bilangan ejen pemungutan daripada enam kepada sembilan. Bilangan cawangan LTH bertambah kepada 119 buah dengan pembukaan sebuah lagi cawangan baru. Pada bulan Oktober 2004, LTH dianugerahi sijil MS ISO 9001: 2000 Kualiti Sistem Pengurusan bagi perkhidmatan kaunter.


Jumlah pelaburan LTH meningkat sebanyak 8.6% kepada RM8.7 bilion, mencakupi 65.8% daripada jumlah aset pada akhir tahun 2004. Penempatan deposit di institusi kewangan meningkat sebanyak 34.3% kepada RM1.9 bilion, manakala pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu meningkat sebanyak 12.1% kepada RM1.4 bilion. Pelaburan dalam saham terus menjadi komponen terbesar, mencakupi 45.8% atau RM4 bilion daripada jumlah pelaburan (2003: 47.6% atau RM3.8 bilion), diikuti oleh deposit di institusi kewangan yang mencakupi 22.4% daripada jumlah pelaburan. LTH juga memberikan pinjaman kepada anak syarikat dan perusahaan perniagaan yang lain, kesemuanya berjumlah RM1.9 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.7 bilion).

Sabah Development Bank Berhad

Aktiviti pemberian pinjaman *Sabah Development Bank Berhad* (SDB) kembali pulih pada tahun 2004. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 17.1% kepada RM1.5 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh peningkatan ketara dalam pinjaman kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, harta tanah dan pembinaan. Pinjaman terus mencakupi bahagian terbesar (75.2%) daripada jumlah aset SDB. Pada akhir tahun 2004, 45.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul adalah untuk pembiayaan harta tanah, sementara 10.8% disalur kepada sektor pembinaan dan 8.7% kepada sektor perkhidmatan perniagaan. Pada tahun 2004, jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan masing-masing meningkat dengan ketara kepada RM381.5 juta dan RM314.3 juta (2003: masing-masing RM250.6 juta dan RM184.3 juta).

NPL kasar meningkat kepada RM517.5 juta (2003: RM492 juta), manakala nisbah NPL kasar pula turun sedikit kepada 35.7% (2003: 39.7%) ekoran jumlah pinjaman yang lebih besar. Sebahagian besar (68.7%) daripada NPL ialah pinjaman kepada sektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Nisbah NPL bersih adalah lebih rendah pada 1.4% (2003: 4.6%).

Graf 7.11
Sabah Development Bank Berhad:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004




SDB terus bergantung kepada peminjaman daripada institusi kewangan dan deposit daripada Kerajaan dan perusahaan perniagaan milik Kerajaan, dengan kedua-dua sumber tersebut menyumbang sebanyak RM1.1 bilion atau 57.5% kepada jumlah sumber (2003: RM890.6 juta atau 54%). Dana pemegang saham bank ini yang meningkat kepada RM257.3 juta pada tahun 2004 (2003: RM228.9 juta) juga digunakan untuk menyokong operasi SDB.

Sabah Credit Corporation

Aktiviti pemberian pinjaman *Sabah Credit Corporation* (SCC) berkembang secara lebih sederhana pada tahun 2004, dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 9.1% kepada RM690.3 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 18.9% kepada

Graf 7.12
Sabah Credit Corporation:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



RM632.8 juta). Pinjaman kekal sebagai komponen aset terbesar, mencakupi 93% daripada jumlah aset yang berjumlah RM742.1 juta pada akhir tahun 2004. Pengembangan ini disebabkan terutamanya oleh pinjaman kredit penggunaan yang meningkat sebanyak 28.3%. Berikutan permintaan pengguna yang terus kukuh, pinjaman kredit penggunaan telah mengatasi aktiviti pembiayaan perumahan yang semakin kurang, menjadikan komponen pinjaman terbesar SCC pada tahun 2004. Sebahagian besar daripada pinjaman kredit penggunaan adalah untuk pinjaman eksekutif (72.1%) dan selebihnya untuk pembiayaan sewa beli. Jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan merosot sedikit, masing-masing kepada RM209.7 juta dan RM209.2 juta (2003: masing-masing RM236.5 juta dan RM223.8 juta).

NPL kasar meningkat kepada RM92.6 juta (2003: RM86.2 juta), disebabkan terutamanya oleh pinjaman kredit penggunaan tidak berbayar yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, nisbah NPL kasar menurun sedikit kepada 13.4% (2003: 13.6%), secara relatif disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah pinjaman. Pada kadar bersih, nisbah NPL ialah 5.4% (2003: 5%).

Peminjaman daripada Kerajaan Negeri (RM328.8 juta) dan institusi perbankan (RM219 juta) kekal sebagai sumber utama dana SCC, kedua-duanya mencakupi 73.8% daripada jumlah sumber.

Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad

Aktiviti pembangunan harta tanah *Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad* (BDC Sabah) menjadi perlahan pada tahun 2004. Perbelanjaan pembangunan harta tanah dan bil bayaran berperingkat BDC Sabah yang merupakan 66.8% daripada jumlah aset, berkurang sebanyak 3.1% kepada RM93.1 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM96.1 juta).

Berikutan kadar pemberian pinjaman yang lebih kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan, jumlah pinjaman terkumpul terus berkurang kepada RM8.9 juta dan tiada pinjaman baru diberikan pada tahun tersebut. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada individu mencakupi 69.9% daripada jumlah pinjaman, manakala bakinya dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan.

NPL kasar meningkat kepada RM2.7 juta, merupakan 30.7% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM2.4 juta atau 25.4%). Ini disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah NPL bagi pinjaman untuk pembelian harta tanah bukan kediaman yang mencakupi 94.5% daripada jumlah NPL kasar.

Pinjaman daripada institusi kewangan kekal sebagai sumber dana utama BDC Sabah, yang berjumlah RM86.7 juta atau 62.3% daripada jumlah sumber.

Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad

Pembangunan harta tanah dan aktiviti pembinaan masih menjadi kegiatan utama *Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad* (BDC Sarawak) pada tahun 2004. Jumlah stok dan kerja yang sedang berjalan terus mencatat peningkatan sebanyak 28% (2003: 63.6%) kepada RM70.3 juta pada akhir tahun 2004. Jumlah ini mencakupi bahagian terbesar daripada aset BDC Sarawak (68.1%).

Dengan persaingan yang sengit daripada institusi perbankan, kemudahan pembiayaan akhir untuk pembelian rumah kekal lembap untuk dua tahun berturut-turut. Justeru itu, jumlah pinjaman terkumpul yang sebahagian besarnya terdiri daripada pinjaman kepada kakitangan (97.9%) bagi tujuan pembelian harta kediaman, terus berkurang kepada RM0.9 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1 juta). Sementara itu, jumlah pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu yang berjumlah RM9.6 juta atau 9.3% daripada jumlah aset turun sedikit pada tahun 2004 (-2.7%).

BDC Sarawak mendapat sumber dana, terutamanya daripada dana pemegang saham (RM37.2 juta) dan peminjaman daripada institusi kewangan (RM11 juta). Kesemua ini mencakupi 46.7% daripada jumlah sumber (2003: 62.3%). Deposit pembeli rumah yang berjumlah RM45.2 juta, juga menjadi sumber dana yang semakin penting bagi BDC Sarawak, mencakupi 43.8% daripada jumlah sumber (2003: 25.6% atau RM24.5 juta).